

Sains, teknologi, inovasi perlu selari dengan sosioekonomi - Dr Adham

Oleh [Rafidah Mat Ruzki](#) - Oktober 7, 2021 @ 12:22pm

fidahruzki@bh.com.my



Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba. - Foto BSTP

PUTRAJAYA: Sektor Sains, Teknologi dan Inovasi (STI) perlu selari dengan sosioekonomi tanpa menjejaskan alam sekitar dalam memperoleh hasil yang berimpak serta nilai lebih baik untuk rakyat.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata dalam usaha negara mendapat semula tempat di persada dunia, Malaysia perlu melaksanakan pendekatan seluruh negara (whole of nation) bagi membangunkan strategi kerjasama untuk hasil dan impak intensif berpengetahuan.

Beliau berkata, syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat tempatan yang besar (LLC) perlu duduk bersama untuk menyokong syarikat pemula tempatan ke arah

membangunkan teknologi berdasarkan penyelesaian endogen yang boleh dipasarkan.

Katanya, pelbagai pelan sudah dibangunkan hasil kerjasama kementerian itu dengan agensi bawahnya untuk mengenal pasti sektor strategik termasuk pembangunan vaksin, robotik, teknologi nano, ekonomi hidrogen dan syarikat pemula.

"Pelan kajian, pembangunan, pengkomersialan, inovasi dan ekonomi atau penyelidikan serta pembangunan (RDCI&E) akan menyatukan strategi berkaitan untuk membantu pelaksanaan semua pelan ini.

"MOSTI juga sedang membangunkan serta melaksanakan dasar kebangsaan untuk bidang teknologi utama seperti teknologi nano, teknologi bio dan teknologi nuklear dengan Akademi Sains Malaysia (ASM) berperanan penting dalam usaha ini.

"Saya berharap semua dasar ini akan mampu memberikan pandu arah strategik, integratif yang diperlukan serta tindakan bertransformasi di peringkat bawahan untuk Malaysia mencapai impak sosioekonomi," katanya ketika melancarkan Laporan Science Outlook 2020, secara maya, hari ini.

Yang turut hadir, Presiden ASM, Prof Datuk Dr Asma Ismail.

Dr Adham berkata, kementeriannya juga menyedari keperluan alam sekitar yang mampan, justeru pihaknya memberi penekanan kepada lebih banyak pelaburan untuk kepelbagaian biologi jitu, kajian pembebasan rendah karbon, tenaga guna semula dan pertanian pintar.

Beliau berkata, untuk langkah ke hadapan, Malaysia memerlukan syarikat berteknologi yang bersedia menjana idea berinovasi tinggi, penyelesaian dan teknologi yang membawa perubahan bagi mengatasi cabaran global.

"Berikutan itu, MOSTI, melalui model Kerjasama Awam dan Swasta (PPP), menyasarkan kerjasama rapat dengan kementerian berkaitan, GLC, dan LLC untuk mewujudkan syarikat unicorn (bernilai lebih AS\$1 bilion) dalam tempoh lima tahun akan datang, bagi meningkatkan ekonomi negara terutama melalui penghasilan peluang pekerjaan.

"MOSTI juga akan melancarkan MyStart Up Roadmap yang diterajui oleh Cradle untuk memperkukuhkan ekosistem syarikat pemula negara dengan harapan, membangunkan lebih banyak teknologi tempatan dan memupuk usahawan teknologi bertaraf dunia ke arah menjadi sebuah negara 'start-up' yang berdaya saing," katanya.

Sementara itu, Dr Adham berkata, penemuan dan cadangan dalam Laporan Science Outlook 2020 selama 30 tahun ini adalah satu tambahan yang bernilai kepada perancangan dan pengesanan tanda aras Sains, Teknologi, INovasi dan Ekonomi (STIE) di negara ini, terutamanya di MOSTI.

Katanya, laporan berdasarkan kepada bukti dan data itu akan menjadi sebahagian daripada panduan MOSTI dalam pengarusutamaan STIE dalam memastikan kemajuan ekonomi, masyarakat serta alam sekitar negara, selari dengan aspirasi ke arah mencapai negara berteknologi tinggi menjelang 2030 kelak.